

18/11/1998

Projek gas: Ekuiti Malaysia RM3.8b

KUALA LUMPUR, Selasa - Syarikat Malaysia dijangka mengambil ekuiti bernilai AS\$1 bilion (RM3.8 bilion) dalam Projek Gas Grid Asia, projek yang diilhamkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) untuk dimulakan tahun depan.

Ia adalah satu daripada dua projek dalam forum Kerjasama Ekonomi dan Teknikal (eco-tech) sejajar dengan Perkongsian bagi Pertumbuhan Sama rata (PEG) untuk menggerakkan penyertaan lebih cergas sektor swasta dalam eco-tech.

Ketua Abac Indonesia, Aburizal Bakrie, berkata komitmen AS\$1 bilion Malaysia itu dinyatakan oleh Pengerusi Petugas Khas PEG, Tan Sri Francis Yeoh dalam pertemuan pemimpin Abac di sini.

"Projek Gas Grid Asia ini penting bagi negara seperti Indonesia, Thailand dan Malaysia dan ia juga sangat penting bagi negara pengguna seperti China dan Jepun," katanya ketika ditemui selepas pertemuan ketua Abac dengan pemimpin Apec, petang ini.

Beliau berkata, Projek Gas Grid Asia itu turut disambut baik oleh Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore dan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Sidang Kemuncak Apec kali ini sebagai projek yang mempunyai masa depan cerah.

Katanya, satu projek di eco-tech itu ialah mengenai daya usaha pendidikan Teknologi Maklumat (IT) Apec.

Beliau berkata, PEG yang bertindak sebagai penggerak bagi penyertaan sektor swasta dalam eco-tech dijangka ditubuhkan akhir tahun ini dan dijangka beroperasi mulai awal tahun depan.

PEG akan berpejabat di Kuala Lumpur dan beroperasi sebagai pertubuhan pengagihan yang tidak berorientasikan keuntungan dengan mempunyai kakitangan serta rangka perundangan sendiri.

Keahlian PEG akan mengandungi perbadanan individu atau konsortium perbadanan daripada 21 negara anggota Apec, dengan jumlah maksimum tiga syarikat dari setiap negara.

Brunei, China Taipei, Indonesia, Hong Kong, China dan Malaysia sudah mengesahkan keahlian mereka dalam PEG manakala Amerika Syarikat, Korea, Kanada, China dan Filipina pula dalam proses memohon keahlian.

(END)